



# قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 23

RABU 6 JUN, 1984.

رابو 7 رمضان 1404

PERCUMA



AWANG Haji Mohd Salleh kelihatan sedang menangkap tawar ke atas salah sebuah kapal pukat tunda sambil diperhatikan oleh Pengarah Perikanan, Awang Mat Danan.

## Ketetapan kadar bayaran zakat fitrah

### BANDAR SERI BEGAWAN.

Kadar bayaran zakat fitrah bagi tahun Hijrah 1404 yang patut dikeluarkan oleh tiap-tiap orang Islam di negara ini adalah tidak berubah iaitu seperti tahun-tahun yang lalu.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Surat bin Haji Serudin dalam Surat Keliling MUIB yang dikeluarkan baru-baru ini menyatakan bahawa kadar bayaran zakat fitrah bagi seorang Islam ialah \$1.87½ bagi orang-orang yang tinggal di Daerah Brunei; \$1.90s/8 bagi kawasan Muara dan Daerah Tutong; manakala bagi kawasan Seria, Belait dan Daerah Temburong ialah sebanyak \$1.93¼.

Yang Berhormat berkata, kadar zakat fitrah adalah menurut nilai harga beras 3 kati 12 tahlil iaitu kadar timbangan beras yang wajib difitrahkan.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam itu menyatakan bahawa menurut Mazhab Shafiee, zakat fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan pada sebuah negara itu.

Oleh kerana makanan

yang biasa dimakan di negara ini ialah beras, maka zakat fitrah adalah sah dikeluarkan dengan beras. Zakat fitrah menurut timbangan di negara ini ialah 3 kati 12 tahlil bagi tiap-tiap seorang Islam."

Dalam pada itu menurut Mazhab Hanafi bahawa adalah sah mengeluarkan zakat fitrah dengan nilai mata wang.

Oleh kerana harga beras yang biasa dimakan di negara ini ditetapkan oleh Kerajaan dengan harga \$3.00 segantang bagi Daerah Brunei; \$3.05 segantang bagi Daerah Tutong dan Muara dan \$3.10 bagi Daerah Belait dan Temburong, maka nilai harga bagi 3 kati 12 tahlil di Daerah

Brunei ialah \$1.87½; Tutong dan Muara \$1.90s/8 dan Belait dan Temburong \$1.93¼.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menyatakan bahawa tiap-tiap umat Islam di negara ini membayar zakat fitrah sama ada dengan mengeluarkan beras sebanyak 3 kati 12 tahlil atau boleh bertaklid Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilai harga beras 3 kati 12 tahlil.

Katanya, orang Islam adalah diingatkan bahawa zakat fitrah wajib dibayar mulai malam Hari Raya Aidilfitri hingga Imam men-

Lihat muka 20

## K'JAAN BERUSAHA KURANGKAN IMPORT IKAN

Oleh: Muhaimin Haji Mohamad

MUARA. — Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perikanan berusaha untuk mengurangkan import ikan dengan cara memodenkan perusahaan menangkap ikan di Negara Brunei Darussalam yang bukan sahaja untuk meningkatkan tangkapan ikan malahan juga kuantitinya.

Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan berkata keperluan ikan bagi negara ini akan bertambah dengan meningkatnya bilangan penduduk di mana kita masih lagi mengimport lebih kurang 40 peratus dari jumlah ikan yang diperlukan.

Berucap sebelum merasmikan Majlis Pelancaran Kapal-Kapal Pukat Tunda pada hari Rabu lepas bertempat di Tembatan Stesen Perikanan Muara, Awang Haji Mohd Salleh berkata dengan adanya kapal-kapal pukat tunda tersebut kita sama-sama berharap usaha untuk mengurangkan import ikan dari luar negeri akan dapat dicapai secara beransur-ansur.

Awang Haji Mohd. Salleh menyatakan unsur-unsur permodenan itu memerlukan tambahan dalam permodalan dan hakikat ini disedari oleh Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan skim-skim pinjaman melalui kawalan Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Ini terbukti, tambahnya, dengan adanya Kapal-Kapal Pukat Tunda berserta dengan peralatan menangkap ikan yang moden merupakan penglibatan tiga golongan tertentu iaitu pemilik-pemilik kapal, Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Pejabat Perikanan.

Seterusnya beliau berkata bahawa perusahaan menangkap ikan merupakan perusahaan yang banyak bergantung kepada keadaan cuaca dan alam sekitarnya. Selain daripada pengalaman, para nelayan memerlukan bantuan peralatan moden supaya ianya akan lebih menjamin kehidupan mereka.

Dalam pada itu, katanya

lagi, perusahaan menangkap ikan merupakan perusahaan yang boleh mendatangkan hasil yang lumayan apabila dibuat sepenuh masa.

Sebelum itu ucapan aluan telah disampaikan oleh Pengarah Perikanan, Awang Mat Danan bin Haji Jaafar. Antara yang hadir Pegawai Pegawai Kanan Kerajaan, Pegawai-pegawai Kanan dari Angkatan Laut ABDB, para nelayan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perikanan. Doa selamat dibacakan oleh Mudim Mat Jaya bin Ibrahim.

Tiga buah Kapal Pukat Tunda kepunyaan anak tempatan telah dilancarkan pada

Lihat muka 20

## Baharui lesen memandu lebih awal

### BANDAR SERI BEGAWAN.

Pemangku Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim meminta kerjasama pemegang-pemegang lesen memandu yang tarikh sahnyanya bermula pada 30 Jun, 1984 atau sebelumnya supaya akan dapat membaharui lesen tidak lewat dari 16 Jun, 1984.

Beliau berkata langkah ini dibuat bagi melicinkan pengeluaran lesen memandu yang baru yang akan mula dikeluarkan pada 1 Julai depan.

Menurut Awang Haji Ahmad

pemegang-pemegang lesen memandu yang tarikh sahnyanya bermula dari 18 Julai, 1984 boleh membaharui lesen mereka mulai dari 18 Jun.

Beliau mengingatkan pemegang-pemegang lesen yang sahnyanya mulai 1 Julai itu supaya mencatat di dalam borang permohonan masing-masing sama ada lesen yang dipohonkan itu lesen satu tahun atau lesen tiga tahun.

Ini, tambah Awang Haji Ahmad, ialah bagi memudahkan pegawai-pegawai yang bertugas.

## Unit Pengkajian Tempatan dipindah

### BANDAR SERI BEGAWAN.

Dewan Bahasa dan Pustaka mengumumkan bahawa Unit Pengkajian Tempatan yang dulunya ditempatkan di perpustakaan jabatan itu kini telah dipindahkan ke Perpustakaan Dato Ibrahim, Bangunan Tugu Peringatan Churchill.

Unit tersebut menemipatkan buku-buku mengenai Brunei termasuklah bahan-bahan terbitan Kerajaan dan Terbitan Berkala seperti akhbar-akhbar, majalah dan maklumat mengenai hal-ehwal Brunei yang diterbitkan melalui media massa dalam

dan luar negeri. Selain daripada Unit Pengkajian Tempatan, Perpustakaan Dato Ibrahim juga menemipatkan mengenai hal-ehwal rantau Asia Tenggara.

Pengguna-pengguna yang terdiri daripada pegawai-

pegawai, kakitangan kerajaan dan penuntut-penuntut Maktab Perguruan dan Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam dan rantau Asia Tenggara bolehlah menggunakan kemudahan-kemudahan dan bahan-bahan yang disediakan di perpustakaan tersebut.

## MANISNYA IMAN

"KATAKANLAH: Hai kaumku! Bekerjalah menurut kesanggupan kamu, sesungguhnya engkau akan bekerja pula, sebab itu kamu akan mengetahui nanti siapakah di antara kita yang memperoleh tempat diam yang baik sesudahnya. Sesungguhnya tidaklah beruntung orang yang zalim" — Makna ayat 135 Surah Al-An'am.



**Pelita Brunei**

6 JUN, 1984

*Dengan nama Allah yang  
pemurah dan maha penyayang*

## USAHANIAGA DALAM BULAN PUASA:

### TANDA KESANGGUPAN MEREPUT PELUANG UNTUK MAJU

**S**UASANA yang lazim dalam setiap bulan puasa ialah kesibukan bagi persiapan bersungai dan seterusnya per-

siapan menyambut hari raya.

Kesibukan-kesibukan yang berupa kegiatan membeli-belah dengan sendirinya meningkatkan kegiatan usahaniaga. Dan untungnya kita kegiatan di kalangan orang-orang kita juga tidak ketinggalan malah dalam hal-hal tertentu sangat ketara. Melihat keadaan di mana dalam bulan puasa ini muncul ramai peniaga-peniaga kecil sebahagiannya meyakinkan kita tentang sambutan baik rakyat terhadap seruan Kerajaan bagi penyertaan mereka dalam kegiatan ekonomi. Sekalipun kegiatan yang kelihatan itu adalah kecil dan bermusim namun ia adalah penting pada menunjukkan kemahuan berusaha untuk menambahkan pendapat.

Sambutan terhadap seruan Kerajaan bagi penyertaan orang-orang kita dalam kegiatan ekonomi sememangnya dapat dibuktikan. Sebahagian daripadanya kelihatan dengan jelas sebagai menandakan kesanggupan bersusah payah yang suatu masa dahulu jarang didapati. Ini

adalah suatu perkembangan yang sihat manakala kesedaran merebut peluang-peluang yang ada dalam bidang kegiatan ekonomi sekalipun secara kecil-kecilan telah meluas di kalangan rakyat.

Sebenarnya kesedaran sedemikian itu tidak sahaja dilihat dengan jelas dalam musim-musim perayaan seperti bulan puasa dan hari raya. Di luar musim perayaan juga kelihatan, misalnya dengan semakin ramai orang-orang kita yang muncul menjadi penjaja dan di sepanjang jalan raya maka akan kelihatan pondok-pondok dan gerai-gerai di mana antaranya orang-orang muda dan penuntut-penuntut sekolah yang mengendalikannya. Keadaan ini dipercayai akan terus berkembang selagi kesedaran yang tulen untuk berusaha memajukan diri sambil memberi sumbangan kepada kemajuan bangsa akan terus dipupuk dengan baik.

Adalah selayaknya untuk disedari bahawa peluang-peluang dari kemajuan dan kepesatan ekonomi negara mestilah mendatangkan faedah yang menyeluruh.

Tetapi faedah yang akan dinikmati tidaklah semudah itu datang bergolek melainkan perlu diusahakan. Dan usaha semata-mata belum tentu menjamin sebarang kejayaan melainkan juga disertai dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Maka usaha beserta dengan kemudahan-kemudahan yang seperlunya tentu akan menentukan kejayaan orang-orang kita dalam merebut peluang yang ada. Di pihak Kerajaan selentunya akan memikirkan berbagai-bagai kemudahan yang diperlukan itu yang bukan sahaja dalam ertikata bantuan dan simpati bahkan juga ialah dalam ertikata pengurusan serta pengendalian yang lancar.

Maka jika suasana dalam bulan puasa sekarang Kerajaan dapat membuktikan keupayaannya memberi kemudahan maka barang selentunya keupayaan yang sama atau lebih dapat diharapkan sepanjang waktu. Dan di pihak orang ramai yang mahu merebut peluang-peluang yang ada itu perlu membuktikan usaha yang sungguh-sungguh dan tulen.

# SEJARAH DAN KEBUDAYAAN PENTING BAGI RANCANGAN PEMBANGUNAN

Oleh: Muhaimin Haji Mohamad

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah, berkata sejarah dan kebudayaan penting kepada sesuatu bangsa dan negara yang membangun seperti Negara Brunei Darussalam yang memerlukan sejarah dan kebudayaan itu diselidiki, dikaji, diteliti dan isi kandungannya difahamkan sebelum menentukan sesuatu rancangan pembangunan.

Ini, tambah Yang Berhormat adalah bertujuan supaya hasil pembangunan mendatangkan manfaat untuk

bangsa dan negeri sendiri dengan bentuknya merupakan unsur keaslian dan ketulenan bangsa dan negara itu.

Berucap demikian ketika menyebarkan ucapan alu-aluan di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Sejarah Brunei yang telah diadakan pada 27 Mei lepas di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja menyatakan

bahawa telah nyata bahawa sejarah dan kebudayaan satu perkara yang sangat penting kepada pembangunan bangsa dan negara maka sebab itulah usaha penyelidikan sejarah dan kebudayaan diambil perhatian berat di mana bahan-bahannya dikumpulkan supaya selok-belok sejarah dan kebudayaan itu dapat diketahui dengan jelas menurut kejadian yang sebenarnya.

Ini termasuklah sebab-musabab yang telah men-

jadikan sesuatu bangsa dan negara itu maju, terkenal, kuat dan berkuasa untuk dijadikan panduan dan begitu juga yang menyebabkan kemundurannya dan kelemahannya akan dijadikan sukat-sukat kerana gambaran sejarah dan kebudayaan itu akan dijadikan asas penyusunan rancangan perkembangan kemajuan yang semata-mata ditumpukan bagi faedah bangsa dan negara dengan coraknya menurut keaslian dan ketulenan bangsa dan negara itu.

"Sesuatu pembangunan tanpa berasaskan sejarah dan kebudayaan sendiri biasanya akan menimbulkan corak bangsa yang baru sehingga keaslian bangsa yang tulen itu lenyap dan tidak kelihatan lagi. Apabila keaslian dan ketulenan tidak dapat lagi dijadikan bukti ketulenan bangsa maka bangsa yang telah wujud zaman-berzaman sebelum itu akan dianggap sebagai bangsa yang sama baru tumbuhnya," ujarnya.

Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja seterusnya berkata semakin jelas keadaan sejarah dan kebudayaan diketahui maka semakin nyata keadaan gambaran latar belakang bangsa dan negara yang akan dijadikan asas pembangunan itu dan



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

semakin mudah pula pengaturan, penyusunan dan pembentukan pembangunan dilakukan menurut rupa keaslian dan ketulennannya.

Akan tetapi, tambahnya, sejarah dan kebudayaan yang akan menjadi latar belakang atau acuan pembentukan itu bukannya senang untuk didapat kalau tidak diadakan usaha penyelidikannya, kerana sejarah dan kebudayaan asli dan tulen bukan sesuatu perkara yang boleh direka-reka.

Sebab itulah, katanya lagi, bagi sesebuah negara yang membangun sangat mementingkan usaha pengumpulan dan penyelidikan sejarah dan kebudayaan sendiri untuk kegunaan pembangunan bangsa dan negaranya terutama bangsa yang telah lahir zaman-berzaman.

## Ahli Bomba lawat Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Seramai 21 orang pegawai-pegawai bomba dari Balai Bomba Bandar Seri Begawan yang diketuai oleh Timbalan Penguasa Balai, Awang Haji Tapa bin Haji Haris telah melakukan lawatan ke Jabatan Penerangan di sini pada pagi Selasa lepas.

Mereka telah dialu-alukan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Unit Sivik dan Kemasyarakatan, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar.

Setelah itu mereka diberikan taklimat oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Yusof bin Ladi berhubung dengan Susunan Pentadbiran Jabatan Penerangan; Susunan Pentadbiran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan sejarah ringkas Jabatan Penerangan semanjak ianya ditubuhkan pada tahun 1953.

Dalam lawatan yang singkat itu, mereka telah juga berkesempatan beramah mesra dengan Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai kanan jabatan itu d samping mengemukakan berbagai pertanyaan.

'PELITA BRUNEI' difahamkan lawatan ini merupakan salah satu siri lawatan pasukan itu ke berbagai jabatan Kerajaan bagi menambahkan pengetahuan.

## Kajian 'sejarah berkait rapat dengan pembangunan bangsa

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim berkata apa yang menjadi tujuan Persatuan Sejarah ialah bahawa sejarah satu perkara yang penting kepada bangsa Brunei kerana pengkajian sejarah mempunyai kaitan yang rapat dengan pembangunan bangsa.

Dengan tidak mengetahui latarbelakang sesuatu bangsa pembangunan keperibadian dan kebudayaan tidak akan dapat dibentuk secara sempurna.

Berucap demikian ketika menyebarkan ucapan alu-aluan selaku Pengerusi Sementara Persatuan Sejarah Brunei di Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Pertama P.S.B. yang telah diadakan pada 27 Mei lepas di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong.

Y.B. Pehin Tuan Imam berharap Persatuan Sejarah Brunei akan dapat menyumbangkan apa jua usaha yang terdapat dalam pengkajian yang betul mengenai sejarah untuk dipersembahkan kepada bangsa sesuai dengan sifat Negara Brunei Darussalam yang diisytiharkan oleh Kebawah



Y.B. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam Pengisytiharaan Ke-merdekaan pada 1 Januari 1984 bahawa Negara Brunei Darussalam adalah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai cara hidup yang lengkap.

Menurut Y.B. Pehin Tuan Imam Persatuan Sejarah Brunei ditubuhkan pada 24 April 1983 dan manakala pendaftarannya telah diterima pada 8 Februari tahun ini, bertujuan untuk

menimbulkan minat yang lebih luas terhadap sejarah, kebudayaan dan adat resam penduduk Negara Brunei Darussalam dan wilayah-wilayah jiran khasnya dan lain-lain negara yang ada kaitan sejarah dengannya.

Untuk menggalakkan pemeliharaan bahan-bahan, binaan-binaan dan kawasan-kawasan yang mempunyai tarikan sejarah dan kebudayaan di Negara Brunei Darussalam dan wilayah-wilayah tersebut; untuk membantu dalam penyelidikan dan penyimpanan rekod sejarah, cerita rakyat, tradisi, bahasa dan adat resam rakyat dan penduduk di negara ini.

Untuk mengusahakan penerbitan majalah dan penerbitan lain yang berunsur sejarah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; untuk mengadakan perjumpaan-perjumpaan seperti seminar, persidangan-persidangan dan lain-lain, baik bercorak setempat atau bangsa bagi meningkatkan pengajian dan pengkajian sejarah Brunei.

Setakat ini Persatuan Sejarah Brunei mempunyai seramai 120 orang ahli biasa dan dua ahli persatuan gabungan.





## DUA BUAH LAGI KERETA BOMBA UNTUK CEGAH KEBAKARAN DI LNG

DUA buah kereta bomba yang baru telah diserahkan baru-baru ini yang membawa kepada jayanya satu langkah awal untuk memodenkan dan menambatkan lagi kebolehan melawan api, di LNG Brunei.

Semasa penyerahan itu seorang jurutera dari Saval Kronenburg, pembekal kereta-kereta tersebut telah hadir untuk memberi maklumat tentang aspek-aspek teknikal dan operasi. Ahli-ahli bomba dari bahagian LOS/4 telah pun dilatih dalam aspek-aspek

operasi itu, bagi membolehkan mereka dan kereta-kereta tersebut siap sedia untuk bertugas.

Sebuah dari kereta tersebut mengandungi sebuah tangki buih dan dua buah tangki serbuk kimia. Selain dari itu kereta tersebut juga dilengkapi dengan pam air bergerak, pam memasukkan cecair buih, enam saluran pengempur buih dan satu alat menguji buih. Kadar bagi satu-satu saluran penyembur buih bolehlah dipilih antara kosong ke sembilan peratus

dengan ketepatan 4 peratus, bergantung kepada pancutan.

Kereta bomba serbuk kimia pula membawa 2 buah tangki serbuk kimia. Ia mempunyai enam penggulung hos, satu pancutan serbuk kimia saval-kronenburg, sementara alat pengesannya dilengkapi dengan satu saluran kuasa yang dikawal dan pengeluaran yang boleh diubah dari 15 ke-40g sesaat.

Perkembangan yang lain termasuklah memperbaiki kemudahan-kemudahan perubatan syarikat, di mana

sebuah kereta ambulan yang lebih besar dan baru telah ditempah.

Kenderaan yang baru itu mempunyai 4 tempat berbaring, 4 tempat duduk dan sebuah kerusi bagi pegawai perubatan yang mana cukup untuk mengendalikan kes-kes kecemasan. Dalam sedikit masa lagi ianya akan dilengkapi dengan satu alat perhubungan radio-telefon untuk membolehkan pegawai perubatan berhubung dengan PML dari dalam ambulan.



Salam dari Padang Minyak

## TONGKANG MUNGKIN DIGUNAKAN ANGKAT BAHANBAKAR DARI K.B. — MUARA

Syarikat Pemasaran Shell Brunei (BSM) akan melancarkan satu percubaan menggunakan tongkang untuk mengangkat bahanbakar dari Kuala Belait ke pemasangan di Muara.

sedikit masa lagi dan syarikatnya akan mencari penentuan bagi memperbaiki mana-mana masalah yang mungkin timbul di dalam perkhidmatan tersebut.

Keputusan ini dibuat ialah bagi menyelidiki jika sistem ini boleh dijalankan dengan pengendalian dan perbelanjaan yang mamudakan. Ianya juga mungkin digunakan bagi memenuhi keperluan pengangkutan tempahan bahanbakar yang besar dan dijadikan sebagai perkhidmatan tambahan kepada pengangkutan darat yang ada sekarang.

Ini adalah disebabkan cara pengangkutan yang ada sekarang tidak mencukupi bagi mengangkat keperluan yang besar. Ianya dijangka akan memerlukan 10 buah tanker untuk mengangkut 60,000 gelen dan ini boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas jika menambah lagi jumlah tanker yang sudah banyak itu.

Menurut Pengurus Am BSM, Awg. Mat Suny, percubaan ini akan diadakan

Tongkang 'TransIsland' dijangka akan mengambil masa selama 10 jam dalam perjalanan dari Kuala Belait ke Muara.



PENUNTUT Dk Umi bte Pg Haji Ismail (atas) dan Awang Azahari dan Iskandar Yahya.

## PENEMPATAN PENUNTUT

SHELL BRUNEI pada masa ini menempatkan 14 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam di dalam berbagai bahagian syarikat tersebut.

Penempatan mereka di Shell Brunei bermula beberapa bulan lalu bersama-sama dengan 15 orang penuntut PTE yang lain yang pada ketika ini mengulang pelajaran mereka atau sedang mencari pekerjaan. Penuntut-penuntut tersebut telah pun lulus dalam peperiksaan GCE A Level baru-baru ini.

Penempatan itu akan mendedahkan mereka kepada suasana bekerja dan ianya juga boleh menjadi saluran untuk menghargai disiplin yang diperlukan jika mereka ingin belajar ke United Kingdom.

Penuntut-penuntut itu juga telah menduduki dua kursus dalam Bahasa Inggeris dan Fizik di Pusat Latihan di Seria untuk beberapa hari dalam seminggu.

Jika mendapat kebenaran dari Jawatankuasa Dermasiswa Kerajaan, Syarikat Shell Brunei akan membiayai pengajian mereka di United Kingdom.

## Ahli-ahli ukur mula kajian pemetaan kawasan pembangunan

AHLI-AHLI Ukur dari Jabatan Topo telah memulakan satu kajian pemetaan penuh bagi kawasan pembangunan penempatan bahan bakar di lapangan terbang antarabangsa Brunei baru-baru ini.

Kajian ini merupakan peringkat pertama di dalam program bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan penempatan minyak.

Kemudahan-kemudahan tersebut dijangka akan mula digunakan awal tahun 1986.

Peralatan-peralatan kajian tersebut termasuklah 'Tachymat' yang berkeupayaan menyimpan semua maklumat darjah, jarak dan pengajian ketinggian yang diperlukan bagi memeta semua kawasan yang diperlukan cuma daripada beberapa kedudukan.

Sistem baru ini akan menyediakan rangkaian tetap pengisian bahan bakar yang ditempatkan pada petak pesawat-pesawat udara di hadapan terminal yang baru.

Peta akhir yang akan dicipta kemudiannya oleh sistem intergrap BSP dan hasilnya akan diperolehi dalam beberapa jam setelah ianya dirakamkan daripada 'Tachymat'.

## Majalah Petroleum masih boleh diperolehi

BAHAGIAN Hal-Ehwal Masyarakat di Jabatan Hal-Ehwal Awam masih mempunyai naskah majalah Petroleum di Brunei keluaran bulan April.

Keluaran ini mengandungi liputan acara sambutan perayaan Hari Kebangsaan. Para pekerja yang ingin memilikinya lagi untuk sahabat dan saudara mara bolehlah mendapatkannya dari bahagian itu.



## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS ..... Siri ke-229

# Aurat perempuan orang bukan muhrim melihat aurat perempuan, anak angkat bolehkah bersentuh dengan bapa angkat dan saudara angkat.

Soalan: Aurat perempuan seluruh badan kecuali muka dan dua tapak tangan, bagaimana jika seorang perempuan tinggal serumah dengan ipar atau saudaranya (yang bukan mahramnya), adakah haram bagi mereka melihat anggota perempuan itu? Sedangkan susah untuk mengelakkan diri?

Jawapan: HARAM saudara bukan mahram yang laki-laki melihat perempuan bukan mahram, dan wajib di atas perempuan bukan mahram menutup segala

anggota yang dibangsakan aurat dari pandangan saudara bukan mahram yang laki-laki itu dan tidaklah susah pada menutup aurat itu kiranya perempuan-perempuan takutkan Allah Taala dan takutkan azab Allah, dan berharap rahmat dan kasihan belas Allah dan berharap kemudahan-kemudahan yang akan diberikan Allah kepada orang yang menjunjung titah Allah dan menjauhi larangan dan tegahan Allah Taala, sentiasa dilaknat Allah dan tiada dapat rahmat Allah.

Menurut Al-Imam Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah menegah jangan masuk berjumpa perempuan, lalu berkata seorang kepada Baginda: "Bagaimana halnya dengan ipar duai?"

Maka sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: "Ipar duai itu mati atau membunuh yakni ipar duai mudah masuk berjumpa iparnya maka dari situlah terbit fitnah dan kerosakan."

Soalan: Bagaimana

hubungan bapa dan anak angkat? Adakah mereka boleh bersentuh antara satu sama lain? Bagaimana pula hubungan antara abang dan adik angkat perempuannya?

Jawapan: Anak angkat ada dua macam: 1. Anak angkat daripada mahram. 2. Anak angkat bukan daripada mahram.

Maka anak angkat daripada mahram bapa, tiada batal air sembahyang apabila bersentuh di antara keduanya, begitu juga anak angkat daripada mahram ibu tiada batal air

sembahyang bersentuh di antara keduanya.

Adapun anak angkat bersentuh dengan anak-anak bapa mahram atau ibu mahram, maka batal air sembahyang masing-masing, kerana anak angkat dan anak-anak bapa mahram atau ibu mahram, maka mereka bukan mahram di antara satu dengan yang lain.

Anak angkat bukan daripada mahram, bersentuh dengan bapa angkat atau ibu angkat atau anak-anak bapa angkat atau anak-anak ibu angkat,

maka batal air sembahyang masing-masing apabila bersentuh di antara seorang dengan seorang.

Jalan yang lebih baik maka anak angkat itu diberi susu oleh mahram bapa atau ibu anak angkat itu atau mahramnya, supaya dapat dikurangkan keadaan tidak mahram itu mengikut syarat-syarat hukum menyusukan.

BERSAMBUNG

WALLAHUAKLAM



Dengan izin Allah bulan Ramadan datang lagi, dan kita masih dipanjangkan umur oleh Allah Subhanahu Wataala, maka dengan kudrat dan iradat-Nya mudah-mudahan kita semua diberi-Nya tenaga dan kekuatannya supaya dapat menunaikan dengan sempurna akan ibadat puasa dalam bulan Ramadan ini, disertai dengan amal ibadat yang lain dengan banyaknya semata-mata bagi mencari keredaan Allah jua.

Di dalam kesempatan ini saya ingin memetik beberapa perkara dari Kitab Durratun Nasihin mengenai dengan bulan Ramadan ini.

(a) Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang bermaksud: "Barang-siapa merasa gembira dengan datangnya bulan Ramadan, maka Allah mengharamkan jasadnya masuk ke dalam neraka".

(b) Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang bermaksud: "Apabila permulaan malam bulan Ramadan, maka Allah berfirman: 'Barangsiapa kasihkan Aku, maka Aku pun kasihkan dia, barangsiapa mencari Aku, maka Aku pun mencari dia, dan barangsiapa meminta ampun kepada Aku,

maka Aku akan mengampunkannya."

(c) Diriwayatkan oleh Ibnu Abbas, bahawa ia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Kalau sekiranya umatku mengetahui apa-apa (kebaikan) di dalam bulan Ramadan, nescaya mereka menginginkan supaya sepanjang tahun itu menjadi bulan Ramadan, kerana semua kebaikan berkumpul di dalam bulan Ramadan itu, dan perbuatan taat diterima oleh Allah, dan semua doa dikabulkan oleh Allah, dan semua dosa adalah diampuni, dan shurga rindu kepada mereka."

(d) Allah berfirman kepada Nabi Allah Musa: "Sesungguhnya Aku telah memberikan kepada Umat Nabi Muhammad dua cahaya, supaya mereka tidak ditimpa oleh dua bahaya kegelapan." Nabi Musa bertanya: "Apakah dua cahaya itu Ya Tuhan-Ku?" Allah menjawab: "Iaitu cahaya bulan Ramadan, dan cahaya Al-Quran." Nabi

## KEISTIMEWAAN ORANG BERPUASA

BERIKUT disiarkan keputusan awal Bulan Ramadan 1404 Hijrah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Musa bertanya lagi: "Apakah dua bahaya kegelapan itu, Ya Tuhan-Ku?" Allah menjawab: "Iaitu kegelapan kubur, dan kegelapan hari Kiamat."

(e) Diriwayatkan oleh Anas bin Malik, bahawa Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa menghadiri majlis ilmu di dalam bulan Ramadan, maka Allah menulis tiap-tiap langkah orang itu sebagai ibadat satu tahun, dan orang itu bersama-sama-Ku (Nabi Muhammad) di bawah panji arash, barangsiapa senantiasanya sembahyang berjemaah di bulan Ramadan, maka tiap-tiap rakaatnya akan diberi oleh Allah satu kota yang penuh dengan nikmat Allah, dan barangsiapa berbuat baik kepada kedua orang tuanya dalam bulan

Ramadan, maka orang itu akan memperoleh perhatian daripada Allah dengan rahmat dan kasih-sayang, sedangkan saya (Nabi Muhammad) menjamin orang itu akan berada di dalam shurga, dan setiap perempuan yang mencari keredaan suaminya di dalam bulan Ramadan, maka dibaginya pahala sebagaimana pahala yang diberinya kepada Siti Maryam (Ibu Nabi Allah Isa) dan Siti Asiah (Isteri Firaun, yang memelihara Nabi Musa), dan barangsiapa menolong pada menyampaikan hajat saudaranya sesama Islam di bulan Ramadan, maka Allah Subhanahu Wataala akan menolong dan menyampaikan seribu hajat orang itu di hari akhirat."

Menurut Imam Habib Abdullah Haddad dalam kitabnya An-Nashaih Ad-Diniyah Wal-Washaaya

Al-Imaaniyah:—

Setiap orang yang berpuasa mempunyai tata-tertib, tiada sempurna puasa itu tanpa tata-tertibnya.

Di antara tertibnya yang terpenting ialah memelihara lidah supaya tidak berdusta, mencaci orang, mencampuri urusan orang lain, mengekang mata dan telinga daripada mendengar atau melihat sesuatu yang tidak halal yang kira-kira dianggap tidak ada kena mengena dengan dirinya.

Seterusnya, hendaklah ia menahan perutnya dari menelan makanan yang haram, atau yang syubhat, terutama sekali ketika waktu berbuka puasa, wajib ia berusaha mencari yang halal menjadi makanan buka puasanya.

Setengah para salaf berkata: "Jika anda berpuasa, perhatikanlah apa bendanya yang anda berbuka, dan tempat siapa anda berbuka." Hal ini menganjurkan kita supaya berjaga-jaga dan mengambil berat terhadap makanan kita berbuka puasa.

Seterusnya setiap orang yang berpuasa itu mesti memelihara semua anggotanya dari berbuat dosa, dan menjauhkan-nya dari segala urusan yang tidak mengena-nya. Dengan itu barulah sempurna dan bersih puasanya. Betapa banyak orang yang ber-

puasa, berpenat lelah disebabkan lapar dan dahaga, kemudian ia membiarkan anggotanya terjerumus ke dalam maksiat. Sebab itu rosaklah puasanya dan sesialah penat lelahnya, sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Betapa banyak orang yang berpuasa, tiada mendapat sesuatu dari puasanya selain lapar dan dahaga."

Meninggalkan maksiat itu menjadi wajib buat selama-lamanya ke atas orang yang berpuasa dan orang yang tidak berpuasa. Hanya terhadap orang yang berpuasa lebih wajib memelihara diri, kerana kepadanya sangat dituntut dan dikuatkan.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:— "Puasa itu adalah pendinding, maka apabila seseorang kamu menempuh hari puasanya, hendaklah ia tiada bercakap kotor, tiada berlaku jahat dan tiada menjahili sesuatu hukum, jika orang mencercanya, atau mengajak berkelahi, hendaklah ia mengatakan: 'Sesungguhnya aku ini sedang berpuasa.'"

Demikian, semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa memberi taufik dan hidayah kepada kita, serta memberkati ibadat kita termasuk ibadat puasa dalam bulan Ramadan ini.

Amin Ya Rabbul Alamin.

# PUASA PENDINDING API NERAKA

**M**ARILAH kita sama-sama bertakwa, kita abadikan diri kepada Allah, kita taati suruhan-Nya dengan melakukan ibadat yang difardukan serta juga meninggalkan apa-apa yang dilarang-Nya. Bahawa inilah kewajipan asasi kita orang-orang Islam iaitu mentaati Allah di dalam ibadat terutamanya ibadat-ibadat fardu seperti sembahyang lima waktu, puasa bulan Ramadan dan lain-lain lagi.

Suasana kita pada hari ini berlainan dari suasana kita pada Jumaat yang lepas. Suasana kita pada hari ini adalah suasana orang-orang berpuasa, berpuasa Bulan Ramadan. Menurut hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Barangsiapa yang berpuasa Bulan Ramadan dalam keadaan ia penuh percaya bahawa ibadat puasa itu bukanlah olok-olok tetapi adalah sebenar-benarnya perintah daripada Allah, sedang Allah jua akan memberi pahala-Nya maka diam-punkan dosa orang yang berpuasa demikian itu, baik dosanya yang terdahulu mahupun yang terkemudian."

Kerana itu marilah kita sama-sama betulkan niat di dalam menjalani ibadat ini iaitu niat semata-mata ikhlas kepada Allah, semata-mata kerana menjunjung titah perintah-Nya bahawa ibadat ini tidak lain adalah datangnya daripada Allah jua, Dialah yang mensyariatkannya. Kerana itulah kita


umat Islam wajib mematuhiya yakni kita berpuasa bukanlah kerana lain-lain tujuan, bukan kerana kuruskan badan atau saja-saja kerana nak 'control' makan atau hanya sekadar suka-suka, bila suka puasa! Tidak! tidak! ini bukan niat yang betul. Tetapi niat yang lurus ada kaitannya dengan keimanan bahawa tiadalah puasa itu melainkan ianya adalah perintah dan suruhan Allah di mana kita wajib melakukannya. Di samping itu kita juga percaya bahawa pahala daripada berpuasa itu ditentukan oleh Allah sendiri, Allah yang akan membalasnya dengan tiada terbatas kadarnya sebagaimana hadis qudsi, firman Allah Taala yang maksudnya:

"Ibadat puasa itu

adalah bagi-Ku, dan Akulah yang akan membalasnya yakni dengan balasan yang tidak ditentukan kadarnya."

Tidak diragukan lagi bahawa di dalam bulan ini orang-orang Islam mendapat laba yang besar daripada Allah Subhanahu Wataala. Laba itu diberikan kepada orang-orang yang berpuasa, yang berupa laba rahmat, pahala dan kesukaan. Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam di dalam sebuah hadisnya lebih kurang bermaksud:

"Bagi orang yang berpuasa itu ada dua kesukaan akan didapattanya: Pertama ketika berbuka (sungkai sesudah cukup masanya), dan



kedua tatkala berjumpa dengan Allah pada Hari Kiamat."

Sabda Baginda lagi maksudnya:

"Puasa itu dinding daripada api neraka." Dan sabdanya lagi yang ertinya:

"Seorang yang berpuasa itu apabila berbuka sesudah sampai masanya, bersalawatlah Malaikat ke atasnya," yakni berdoaakannya dengan keberkatan serta memohonkan ampun kepada Allah Subhanahu

Wataala. Apakah ini bukan untung bukan laba namanya?

Demikianlah kita berharap sama-samalah kita mengambil ingatan dari penerangan-penerangan tentang ibadat puasa ini yang telah sengkaja kita lakukan dua Jumaat berturut-turut untuk lebih mengesankan lagi fahaman kita tentang Bulan Ramadan itu sendiri dan ibadat puasa yang kita jalani di dalamnya, semoga dengan itu kita sama-sama beroleh laba atau keuntungan sebagaimana disebut di atas, insya Allah Taala.

## Allah mencabar penentang Kuasa-Nya

**D**i dalam Suratul Namli dari ayat 60 hingga ayat 64 kita dapat melihat dan meneliti bahawa Allah Subhanahu Wataala bertanya kepada manusia Musyrikin sebanyak sebelas kali dengan menggunakan perkataan 'siapa' dan sebanyak lima kali Allah menurunkan cabaran-Nya dengan menggunakan perkataan dan pertanyaan "Adakah Tuhan lain selain Allah?"

Secara ringkas eloklah kita perengarkan ayat-ayat tersebut dengan tafsirnya ke bahasa Melayu demikian bunyinya:

Ayat 60: "Siapakah menjadikan langit dan bumi serta menurunkan hujan kepadamu dari awan. Lalu ditumbuhkan-Nya kebun-kebun yang cantik dipandang. Sedang

kamu tidak berkuasa menumbuhkan pohonnya. Adakah Tuhan lain selain daripada Allah?"

Ayat 61: "Siapakah yang mengadakan bumi untuk tempat tinggal. Dan menjadikan sungai-sungai dan gunung-gunung di atasnya? Serta dijadikan-Nya pula dua macam lautan. Iaitu laut yang berair tawar dan laut yang berair masin. Adakah Tuhan lain selain daripada Allah?"

Ayat 62: "Siapakah yang memperkenankan doa orang yang sedang kesempitan? Bila ia memohon dan menghilangkan kemelaratan itu? Dan siapa pula yang menjadikan kamu berkuasa di bumi ini? Adakah Tuhan lain selain Allah?"

Ayat 63: "Siapakah yang

### Menuju keredaan Allah

memberikan pedoman bagimu dalam kegelapan perjalanan di darat dan di lautan? Siapa pula mengurniakan angin yang bertiup sepoi bahasa itu; yang bertiup nyaman mengiriratkan hati sebelum datang rahmat-Nya. Adakah Tuhan selain daripada Allah?"

Ayat 64: "Siapakah menjadikan alam dan makhluk-Nya kemudian akan mengulangi akan penciptaan-Nya itu? Siapakah yang

memberikan rezeki dari langit dan dari bumi? Adakah Tuhan lain selain daripada Allah?"

Di akhir ayat-ayat itu Allah Taala menyambung dengan firman-Nya:

1. "Bahkan mereka tetap berpaling dari kenyataan dan kebenaran."
2. "Tetapi sayang kebanyakan manusia tidak mengetahui."
3. "Sedikit sekali di antara kamu yang mengambil iktibar (peringatan)."
4. "Maha Tinggi Allah dari apa yang mereka sekutukan dan bawalah bukti keterangan kamu jika kamu merasa benar dengan fahaman syirik kamu itu?"

Cabaran pertanyaan dari Allah Subhanahu Wataala itu bukan sahaja khusus ditujukan kepada

orang-orang Musyrikin dan orang-orang kafir yang hidup empat belas abad yang lalu bahkan juga ditujukan kepada semua bangsa di zaman moden beradab-baik yang berkulit hitam, yang berkulit putih ataupun yang berkulit kuning. Yang hidup di zaman moden sekarang ini pertanyaan-pertanyaan itu bukan hanya ditujukan kepada orang-orang yang buta huruf atau buta ilmu pengetahuan tetapi juga ditujukan kepada seluruh sarjana-sarjana dan kepada orang-orang intelek kepada setiap bangsa yang menentang kekuasaan dan kebenaran wujudnya Allah Subhanahu Wataala.

Bila kamu tidak sanggup menunjukkan fakta-fakta dan keterangan-

keterangan dengan bukti yang dapat diterima oleh akal yang waras sedang kamu masih kekal menyembah berhala, patung dan lain-lain maka ketahuilah bahawa kamu benar-benar termasuk manusia-manusia menyimpang dari kebenaran, manusia-manusia yang bodoh yang tidak tahu menggunakan akal fikiran-nya.

Sedarlah manusia yang sudah tersasar dari kepercayaan agama Islam, bahawa kamu sedang menuju ke jurang kebinaasaan dan kesengsaraan yang abadi dengan kesesatan itu. Maka marilah menuju ke jalan yang lurus (Siratul-mustakim) yang sudah dibentangkan Allah Subhanahu Wataala di depan kamu.

### Makluman

**A**DALAH dimaklumkan bahawa untuk maksud pengauditan kira-kira Syarikat Kerjasama Kakitangan Kerajaan Brunei Dengan Tanggungan Berhad Jabatan Kemajuan Kerjasama telah mengirimi surat penyata kepada semua ahli syarikat tersebut untuk pengesahan sama ada jumlah wang saham mereka yang tercatat dalam surat itu betul atau sebaliknya. Ada di antara

surat-surat itu yang telah dikembalikan ke jabatan ini kerana tersalah alamat dan sebagainya. Ahli-ahli yang belum menerima surat itu adalah diminta menghubungi Awang Haji Abd. Ghafar bin Pengarah Mukim Haji Naim di Jabatan Kemajuan Kerjasama Tel: No. 25553. Ahli-ahli yang belum menjawab surat itu diminta berbuat demikian seberapa segera yang boleh.

### Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6 Jun, 1984 hingga ke hari Selasa 12 Jun, 1984 adalah seperti di bawah ini:—

| HARI<br>BULAN | ZUHUR |          | ASAR  |          | MAGHRIB |          | ISYAK |          | IMSAK | SUBUH |          | MATAHARI<br>TERBIT |
|---------------|-------|----------|-------|----------|---------|----------|-------|----------|-------|-------|----------|--------------------|
|               | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai   | Berakhir | Mulai | Berakhir |       | Mulai | Berakhir |                    |
| 6-10          | 12.25 | 3.44     | 3.45  | 6.35     | 6.36    | 7.47     | 7.48  | 4.51     | 4.37  | 4.52  | 6.05     | 6.06               |
| 11-12         | 12.26 | 3.45     | 3.46  | 6.36     | 6.37    | 7.48     | 7.49  | 4.51     | 4.37  | 4.52  | 6.06     | 6.07               |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN BAGI TAHUN 1984 / 1404

| BIL. : | KAWASAN                                                                                                                            | NAMA AMIL                                                                                              | T/MEMBAYAR                       |
|--------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|
| 1.     | Bandar Seri Begawan "A"<br>Mengandungi :                                                                                           |                                                                                                        |                                  |
|        | a) Bolkliah Kem dan sekitarnya<br>(yang bukan terdiri daripada<br>ABDB dan keluarganya);                                           | Yang Dimuliakan,<br>Begawan Pehin Siraja Khatib<br>Dato Setia Awang Haji Mohd<br>Tamin bin Abdul Hamid | Di Masjid Omar<br>Ali Saifuddin. |
|        | b) Istana Edinburgh;                                                                                                               |                                                                                                        |                                  |
|        | c) Jalan Perayaan;                                                                                                                 |                                                                                                        |                                  |
|        | d) Jalan Merdeka;                                                                                                                  |                                                                                                        |                                  |
|        | e) Jalan Bahagia;                                                                                                                  |                                                                                                        |                                  |
|        | f) Jalan Rakis;                                                                                                                    |                                                                                                        |                                  |
|        | g) Perumahan Pegawai-Pegawai<br>Kerajaan Airport Lama.                                                                             |                                                                                                        |                                  |
| 2.     | Bandar Seri Begawan "B"<br>Mengandungi :                                                                                           |                                                                                                        |                                  |
|        | a) Jalan Telepok;                                                                                                                  | Yang Dimuliakan,                                                                                       | Di Masjid Omar                   |
|        | b) Jalan Melabau;                                                                                                                  | Pehin Khatib Haji Ahmad bin                                                                            | Ali Saifuddin.                   |
|        | c) Jalan Melabau Baru;                                                                                                             | Abdul Razak                                                                                            |                                  |
|        | d) Barik Kakitangan Ukur dan<br>sekitarnya;                                                                                        |                                                                                                        |                                  |
|        | e) Jalan Temanggong;                                                                                                               |                                                                                                        |                                  |
|        | f) Jalan Tapak Kuda;                                                                                                               |                                                                                                        |                                  |
|        | g) Jalan Senuai.                                                                                                                   |                                                                                                        |                                  |
| 3.     | Bandar Seri Begawan "C"<br>Mengandungi :                                                                                           |                                                                                                        |                                  |
|        | a) Dari simpang Jalan Gadong<br>hingga ke jambatan Gadong;                                                                         | Yang Dimuliakan,                                                                                       | Di Masjid Omar                   |
|        | b) Station Minyak dan sekitarnya                                                                                                   | Pehin Khatib Haji Zainal bin                                                                           | Ali Saifuddin.                   |
|        | c) Jalan Kumbang Pasang;                                                                                                           | Kahar                                                                                                  |                                  |
|        | d) Jalan Ong Sum Ping;                                                                                                             |                                                                                                        |                                  |
|        | e) Jalan Jawatan Dalam;                                                                                                            |                                                                                                        |                                  |
|        | f) Jalan Mabohai;                                                                                                                  |                                                                                                        |                                  |
|        | g) Jalan Sekolah.                                                                                                                  |                                                                                                        |                                  |
| 4.     | Bandar Seri Begawan "D"<br>Mengandungi :                                                                                           |                                                                                                        |                                  |
|        | a) Jalan Dato Marsal;                                                                                                              | Yang Dimuliakan,                                                                                       | Di Masjid Omar                   |
|        | b) Workshop JKR;                                                                                                                   | Pehin Khatib Haji Mohd                                                                                 | Ali Saifuddin.                   |
|        | c) Jalan Lintang;                                                                                                                  | Yassin bin Awang Damit                                                                                 |                                  |
|        | d) Jalan Simpang Sekolah;                                                                                                          |                                                                                                        |                                  |
|        | e) Jalan Tongkadeh;                                                                                                                |                                                                                                        |                                  |
|        | f) Jalan Padang;                                                                                                                   |                                                                                                        |                                  |
|        | g) Jalan Dato Taib.                                                                                                                |                                                                                                        |                                  |
| 5.     | Bandar Seri Begawan "E"<br>Mengandungi :                                                                                           |                                                                                                        |                                  |
|        | a) Jalan Dato Isa;                                                                                                                 | Yang Dimuliakan,                                                                                       | Di Masjid Omar                   |
|        | b) Jalan Tasek;                                                                                                                    | Pehin Khatib Haji Wahid                                                                                | Ali Saifuddin.                   |
|        | c) Jalan Tasek Lama hingga<br>Ang's Hotel;                                                                                         | bin Haji Besar                                                                                         |                                  |
|        | d) Madrasah JHEU                                                                                                                   |                                                                                                        |                                  |
Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perkhidmatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 18 Jun, 1984. (Bil iklan : 94/1984) (E/36/72).

## Sebagai Penjaga

**PERMOHONAN** adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untuk dilantik sebagai **PENJAGA** di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab : F. 1-2 EB. 3 — \$350-\$470 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Hendaklah tahu menulis dan membaca.
- Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawasi harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

### Am :

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki masa pekerjaan

biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift).

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perkhidmatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 23 Jun, 1984. (Bil iklan : 111/1984) (E/198/76).

## SEBAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

**PERMOHONAN** adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai **KETUA PEMBANTU TEKNIK** di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab : C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

- Pemohon-pemohon mesti-

lah berumur 25 hingga 40 tahun.

- Mestilah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari sesebuah Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.

- Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang kerja-kerja bangunan, ukur-

kuantiti dan kejuruteraan mekanikal. Pengalaman dalam kerja-kerja pengawasan mesin-mesin, perkakas-perkakas dan alat-alat sukan dengan baik adalah satu kelebihan.

### Tugas-tugas :

Bertanggungjawab ke atas segala pengawasan dan pemeliharaan bangunan-bangunan, jentera-jentera, mesin-mesin, perkakas-perkakas dan peralatan-peralatan sukan jabatan yang digunakan untuk perkembangan belia dan sukan.

### Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksi pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perkhidmatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 30 Jun, 1984. (Bil iklan : 106/1984) (E/2288/81).

## Sebagai Tukang Kayu Tingkat II

**PERMOHONAN** adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai **TUKANG KAYU TINGKAT II** di Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab : F. 3-4 EB. 5 — \$430-\$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

- Pemohon-pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya 20 tahun dan lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya serta mahir dengan pekerjaan Tukang Kayu; atau.

- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan persekolahan tetapi boleh menulis dan membaca serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dan kecakapan sebagai Tukang Kayu akan juga dipertimbangkan.

- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal pertukangan kayu seperti berikut :—  
i) Boleh menyediakan rangka dan lukisan

untuk kerja-kerja pertukangan kayu.

- Boleh membuat kerja-kerja pertukangan kayu dengan berpanduan lukisan-lukisan.

- Mempunyai pengalaman dalam hal pertukangan kayu dengan menggunakan perkakas kuasa elektrik, merupakan satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perkhidmatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 23 Jun, 1984. (Bil iklan : 104/1984) (E/297/84).

## Sebagai Juru Tulis Jawi

**PERMOHONAN** adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untuk dilantik sebagai **JURU TULIS JAWI** di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab : C. 1-2 EB. 3 — \$1110-\$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

- Berumur tidak kurang dari 25 tahun.

- Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :—

- Sijil Pelajaran Ugama, Negara Brunei Darussalam.

- Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

- Hendaklah mempunyai kepandaian dan pengalaman yang luas dalam hal tulisan Jawi yang cantik.

- Calon-calon yang mempunyai kelayakan di (ii) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan seperti salah satu dari-

pada yang dinyatakan di bawah bolehlah dipertimbangkan.

- 7 tahun perkhidmatan, 3 tahun daripadanya dalam jawatan yang ada hubungannya dengan menggunakan kepandaian dalam tulisan Jawi yang cantik.
- Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai kepandaian dan pengalaman yang luas dalam hal tulisan Jawi yang cantik.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perkhidmatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 23 Jun, 1984. (Bil iklan : 109/1984) (E/68/74).

## Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### ATAU

**PERMOHONAN-permohonan** adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikutan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

### 1. PENGARANG KANAN

Tanggungjawab : C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

- Mempunyai Diploma atau Sijil Seni Kreatif di bidang kesasteraan dari mana-mana Institusi/Maktab yang diakui.

### ATAU

Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dan kecenderungan dalam kerja-kerja penulisan kreatif sastera dan kebudayaan sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

### ATAU

Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun sebagai Pengarang di dalam Institusi Penerbitan Kerajaan atau swasta akan juga dipertimbangkan. Mereka hendaklah dapat menunjukkan kerja-kerja yang sudah diterbitkan.

- Menguasai Bahasa Inggeris (membaca, menulis dan menterjemah). Menguasai satu bahasa ketiga adalah merupakan satu kelebihan.

### 2. PENGARANG

Tanggungjawab : C. 2 EB. 3 — \$1260-\$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

- Mempunyai Diploma HND dalam mata pelajaran yang bersesuaian dan/atau lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Peringkat Tertinggi dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran senilukis) dalam Sijil Am Pelajaran.

### ATAU

Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun di dalam institusi penerbitan dan penuh giat dalam kerja-kerja yang berkaitan;

Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam penulisan kreatif sastera serta esai sastera dan kebudayaan dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.

- Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

### 3. PEMBANTU PENYELIDIK

Tanggungjawab : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

- Mempunyai kelulusan 3 mata pelajaran Peringkat 'O' (tidak termasuk mata pelajaran senilukis) dalam Sijil Am Pelajaran dan dapat menguasai 2 bahasa (satu daripadanya bahasa Melayu); dan

- Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan kebudayaan tempatan serta dapat menulis dan membaca Jawi dengan baik.

### 4. ATENDAN PERPUSTAKAAN

Tanggungjawab : E. 1-2-3 EB. 4 — \$410-\$700 sebulan.

**Kelayakan dan Penguasaan :**

- Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya menduduki Tingkat V, dan dapat menguasai dua Bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu).

- Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas, tetapi mempunyai pengalaman yang luas mengenai dengan kerja-kerja Atendan sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan pernah mengikuti kursus-kursus Perpustakaan boleh juga dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Jabatan Perkhidmatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aku dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 26 Jun, 1984.

Bilangan iklan : 1115/1984

(E/1091/77)

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Penyambut Tetamu/Telefon Operator

**PERMOHONAN** adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemah, untuk dilantik sebagai **PENYAMPUT TETAMU/TELEFON OPERATOR** di bahagian Pusat Dakwah Islamiah, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: E.1-2-3 EB.4 — \$410-\$700 sebulan.

### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mesti lah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

### Tugas-tugas:

Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

### Am:

Calon-calon yang beraya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka-lui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 23 Jun, 1984. (Bil iklan: 106/1084) (E/939/84).

## Sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III

**PERMOHONAN** adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai **PE-NYELENGGARA STOR TINGKAT III** di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: E.1-2-3 EB.4 \$410-\$700 sebulan.

### Tugas-tugas:

- Pemohon mestilah berumur di antara 18 tahun hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya tingkat III atau yang sebanding dengannya.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor boleh juga dipertimbangkan.

### Am:

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka-lui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-

lah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruh-anjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 2 Julai, 1984. (Bil iklan: 117/1984) (E/357/73).

## Tender Notice

**TENDERS** will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 23rd. July, 1984.

**SUPPLY OF RADIO/ELECTRONIC EQUIPMENT SPARE & MISCELLANEOUS ITEMS.**

2. Tender documents are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong must

be stated and prices to include customs duty.

3. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked: —

"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF RADIO/ELECTRONIC EQUIPMENT SPARE & MISCELLANEOUS ITEMS."

4. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI —

### BIL: 226 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/064

**PEMBINAAN SEGERA RUMAH BARIK UNTUK PEKERJA-PEKERJA AIR, JALAN TASEK LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 227 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/JP016

**PEMASANGAN TAIL MOSAIK UNTUK LANTAI SIMEN DI RUMAH SAKIT DAERAH TUTONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00.

### BIL: 228 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AD/074

**CADANGAN PEMBINAAN PENAHAN TANAH UNTUK SEKOLAH UGAMA DI KAMPONG SERASA, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 229 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AR/065

**MEMBINA LONGKANG KONKRIT, KALBAT DAN SUMP TEPI JALAN DI BATU 5½, JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 230 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL165

**PEMASANGAN PINTU PAGAR BERLIPAT (COLLAPSIBLE) DAN MEMBINA SEKAT DINDING BATA (BRICKWALL PARTITION) UNTUK SEKOLAH MELAYU ANGGEREK DESA, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 231 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/073

**PEMBINAAN LANTAI KONKRIT TETULANG, DINDING KATIK (DWARF WALL) DAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN YANG LAIN DI STOR PERABOT LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 232 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

**MENYIAPKAN KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BLOK SEKOLAH (PWD 1113), DEWAN HALL (PWD 1114) DAN BLOK JAMBAAN SEKOLAH MELAYU AWANG HAJI MOHAMMED YUSOF KATI MAHAR, BATU 13 JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

### BIL: 233 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/BOM006 & 36/10

**PEMBINAAN UNTUK CADANGAN TAMBAHAN PADANG PERBARISAN (DRILL GROUND), LONGKANG KONKRIT TETULANG DAN MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA MENARA YANG ADA DI BALAI BUSSALA MUARA, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 234 TAHUN 1984

**TAWARAN-tawaran** adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja (Pemasang Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD419/20101

**PEMBASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN BANGUNAN PUSAT SEJARAH, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jurutera Damit Bera Bhd., No. 4, Bangunan Meng-lait Satu, Batu 2, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 25 Jun 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

## Kursus-Kursus Di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Negara Brunei Darussalam

**PERMOHONAN-permohonan** adalah dipelawa untuk mengikuti kursus-kursus yang tersebut di bawah di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Negara Brunei Darussalam dan mereka yang mempunyai kelayakan dan syarat-syarat di bawah ini akan dipertimbangkan:

- (1) KURSUS TENUNAN — (PEREMPUAN)
- (2) KURSUS PERTUKANGAN PERAK — (LELAKI/PEREMPUAN)
- (3) KURSUS PERTUKANGAN TEMBAGA — (LELAKI)
- (4) KURSUS ANYAMAN/SONGKOK — (PEREMPUAN)
- (5) PELATIH SENIUKIR — (LELAKI)

### Kelayakan-kelayakan

- Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Darjah VII Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata-mata pelajaran Ilmu Hisab dan Lukisan.

### Syarat-syarat

- Hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.
- Hendaklah berumur di antara 17 hingga 20 tahun dan masih bujang.
- Pemohon-pemohon yang dipertimbangkan akan dipilih menerusi satu temuduga.
- Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah terlebih dahulu lulus peperiksaan doktor.
- Satu perjanjian bertulis akan dikenakan kepada setiap pemohon yang berjaya mengikuti kursus ini.
- i) Pemohon yang terpilih akan dikehendaki mengikuti latihan penuh selama dua tahun, dalam masa ini pelatih-pelatih tidak dibenarkan berkahwin.
- ii) Selepas itu peserta kursus akan dikehendaki mengikuti kursus kemahiran selama satu tahun lagi, menjadikan tiga (3) tahun semuanya. Dalam masa kursus tahun ketiga pelatih-pelatih akan beri kelonggaran untuk berkahwin.
- g) Apabila mendapat kemahiran pelatih-pelatih akan dikehendaki menjadikan pertukangan ini sebagai salah satu mata pencarian.

### Elaun dan Lain-lain Kemudahan:

- i) Semasa dalam latihan selama dua (2) tahun pelatih-pelatih akan diberi elaun sebanyak \$290.00 sebulan serta 10% net profit daripada hasil pertukangan mereka.
- ii) Bagi pelatih-pelatih tahun ketiga mereka akan diberi elaun yang sama sebanyak \$290.00 sebulan, tetapi dibayar 50% net profit daripada hasil pertukangan yang diusahakan dalam masa tambahan ini.
- (b) Tempat tinggal, kenderaan dan lain-lain lagi tidak disediakan kepada pemohon-pemohon yang berjaya.
- (c) Bahagian Tembaga cara tradisional (lama) akan ditambah dengan cara baru seperti Casting dan Engraving.

### Borang Permohonan:

Permohonan-permohonan hendaklah dibuat dalam borang yang boleh didapati dari Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Jalan Residency, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu Pejabat dibuka dan hendaklah dikembalikan dan sampai kepada Ketua Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Jalan Residency, Negara Brunei Darussalam selewat-lewatnya pada 6 Jun, 1984.

## NOTIS TAWARAN

### JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

**TAWARAN-tawaran** akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada 18 Jun, 1984 bagi membekalkan Pakaian Seragam Untuk Orang-Orang Bergelar. Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran,  
d/a Pegawai Kewangan Negara,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

Keterangan-keterangan lanjut dan borang borang tawaran boleh diperolehi daripada Jabatan Adat Istiadat, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu Pejabat di buka.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL: 206 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK No.: AW416/0202  
PEMBINAAN BETUNG RAYA (PARIT BESAR)  
SAMBUNGAN DI JALAN BERAKAS — PERINGKAT II.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Pte Ltd, No. F11, Kompleks Seri Temasek, Kompleks Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 16 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$10,000.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 207 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD425/1801  
PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN KOMPLEKS SUKAI DI PENANJONG KANTONMEN BAGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI — PERINGKAT I.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jurutera Perunding Ibrahim-Leong, Tingkat Satu, Unit 4 dan 5, Blok E, Bangunan Jefri Bolkiah, Kompleks Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 208 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD426/2501  
CADANGAN BANJARAN 30 METER, KURSUS PENYERANGAN DAN DEWAN GAS DI PENANJONG KANTONMEN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Pte Ltd, No. F11, Kompleks Seri Temasek, Kompleks Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 209 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AR/069  
PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT TEPI JALAN, SUMP DAN KALBET DI BATU 10, JALAN KOTA BATU NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 210 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL171  
PEMBINAAN SATU BLOK STOR BAGI ASRAMA PEREMPUAN DAN PEMBAHARUAN BILIK-BILIK STOR YANG ADA UNTUK ASRAMA LELAKI DI MAKTAB PERGURUAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH, GADONG, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 211 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/JUB020  
PEMBINAAN MASJID DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA DI KAMPONG PULAU, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 212 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL101  
PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT, MEMBER-SIH LONGKANG YANG ADA, PENANAMAN RUMPUT DAN MENIMBUK SEMULA TANAH DI SEKOLAH MELAYU SUBOK, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 213 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL100  
PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT DI SEKO-

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Berinda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

LAH MELAYU LAMBAK, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 214 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10  
MENGATAP SEMULA, KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MEMBAHARUI SEMULA ASRAMA LELAKI PUSAR ULAK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 215 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEN009  
PEMBINAAN PUSAT PERUBATAN DI ISTANA EDINBURGH, JALAN BERAKAS, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 216 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD414/010004  
PEMBINAAN RANGKAIAN PEMBENTUNGAN UNTUK FLAT KERAJAAN DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 217 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD414/0401  
PEMBINAAN 2 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E' UNTUK PERUMAHAN KAKITANGAN PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH DI BANGAR, TEMBURONG, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 218 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AR/066  
MEMBINA LONGKANG KONKRIT, PETI KALBET KONKRIT DAN SUMP KONKRIT DI BATU 8 KAMPONG SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 219 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA SEMUA PEMBINAAN YANG ADA DI SEKOLAH MELAYU PULAU BARU-BARU, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

### BIL: 220 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL133

PEMBINAAN PADUKA PERMAINAN MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN/SEKOLAH SAINS JALAN MUARA, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 221 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AR/068

MEMBINA LONGKANG KONKRIT TEPI JALAN DAN SUMP DI JALAN RESIDENCY, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 11 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 222 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/8

MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG TANGKI AIR KELULI (PRESSED STEEL) DI SEKOLAH INGGERS SUFFRI BOLKIAH, TUTONG, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

### BIL: 223 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 36/10

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PEMBINAAN-PEMBINAAN YANG ADA DI SEKOLAH TUMPUAN TELISAI, SEKOLAH MELAYU TANJONG MAYA DAN SEKOLAH MELAYU DANAU TUTONG, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

### BIL: 224 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 34/18

PEMINDAHAN TANAH UNTUK CADANGAN PELANTAR (PLATFORMS) DI LOT 612, KAMPONG LIMBARUH BUNTAR SIMPANG JALAN SUBOK, BATU 1 1/2, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL: 225 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL037 & 84AB/PEL038

PEMBINAAN KEDAI-KEDAI UNTUK SEKOLAH MELAYU LAMUNIN DAN SEKOLAH MELAYU BIRAU TUTONG, NEGERA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 14 Jun, 1984.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

# KAPAL PUKAT TUNDA DILENGKAPI DENGAN ALAT ELEKTRONIK

Dari muka 1

hari itu. Dua buah kapal tersebut dibina di Bintulu, Sarawak, berukuran 60 kaki panjang dan 14 kaki lebar, dipunyai oleh Awang Haji Zaman bin Daud diberi nama 'NORZIAH SUKA KEMAJUAN' dan yang sebuah dimiliki oleh Awang Safar bin Haji Alihasan diberi nama 'K.P.I. MERDEKA'. Manakala sebuah lagi yang dibina di Sandakan, Sabah, diberi nama 'SRI KILANAS' dimiliki oleh Awang Zaini bin Haji Ibrahim berukuran 58 kaki panjang dan 13 kaki lebar. Setiap buah kapal tersebut berharga lebih \$100,000 ringgit dan mempunyai kekuatan enjin 150 kuasa kuda.

Pada waktu ini Kerajaan menghadkan bilangan lesen pukat tunda kepada lima

sahaja bertujuan sebagai langkah permulaan untuk memberikan petunjuk dan pelajaran yang berguna untuk dijadikan sebagai penggerak kepada usaha-usaha seterusnya.


Kapal-kapal itu juga dilengkapi dengan alat-alat kemudahan elektronik yang sophisticated seperti 'RADAR' yang boleh mengesan sejauh 36 batu. Penggunaan radar ialah untuk mencari kedudukan kapal, selain dari itu, ianya juga boleh mengesan kedudukan dan jarak sesuatu tempat atau pelayaran kapal-kapal di sekelilingnya.

Manakala Radio Telefon VHF Marin digunakan bagi perhubungan di antara kapal dengan kapal dan di antara kapal dengan pengkalannya

dalam lingkungan sejauh 20 batu. Radio tersebut juga akan digunakan bagi panggilan kecemasan.

Satu lagi alat elektronik yang penting terdapat pada kapal itu ialah 'Alat Pengesan Dalam' yang biasanya digunakan untuk mengesan kedalaman air, ikan-ikan dan juga untuk memperolehi maklumat tentang banyak dan saiz-saiz ikan. Ianya juga berfungsi untuk mengesan benda-benda di dasar laut yang mungkin akan mengakibatkan pukat menyangkut atau rosak.

Lazimnya jika sesuatu rintangan dapat dikesan di dasar laut, nakhoda kapal akan mengambil tindakan segera dengan mengubah haluan kapalnya bagi mengelakkan rintangan tersebut.



AWANG Haji Mohd Salleh dengan diiringi oleh Pengerah Perikanan ketika dibawa menyakikan secara dekat salah sebuah kapal pukat tunda selepas beliau merasmikan pelancaran kapal-kapal tersebut.

## Umat Islam diingat bayar fitrah pada Amil

Dari muka 1

dirikan sembahyang Hari Raya.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat adalah harus zakat fitrah itu dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan lantikan seramai 158 orang Amil di seluruh negara untuk mengendalikan kutipan zakat fitrah bagi tahun ini.

Dari jumlah tersebut seramai 114 orang di Daerah Brunei-Muara; 21 orang di Daerah Tutong, 16 orang di Daerah Belait dan 7 orang di Temburong.

Umat Islam di negara ini hendaklah membayar zakat fitrah masing-masing kepada Amil yang dilantik.

Nama-nama Amil dan tempat-tempat membayar zakat fitrah bagi tahun ini disiarkan di muka 6, 7 dan 8.

## PLTB derma kepada Tabong Anak Yatim

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Pusat Latihan Teknikal Brunei telah mendermakan sejumlah \$1,805 kepada Tabong Anak-Anak Yatim Daerah Brunei-Muara.

Derma tersebut telah disampaikan oleh Penolong Pengetua PLTB, Awang Suhaimi bin Haji Abas kepada Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin, yang juga selaku Pengerusi Tabong tersebut.

## Keputusan Peraduan Tulisan Jawi

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini telah mengumumkan keputusan Peraduan Bacaan Jawi Peringkat Daerah dan Peringkat Negara yang dianjurkan oleh jabatan tersebut.

Keputusan-keputusan itu adalah seperti berikut:

**Peringkat Daerah Brunei-Muara,** tempat pertama telah dimenangi oleh Dayang Lily Susana bte Samsu; tempat kedua dimenangi oleh Dayang Haryati bte Japri dan Awang Harpan bin Haji Yusof pula memenangi tempat ketiga.

Bagi Peringkat Daerah Temburong pula, tempat pertama telah dimenangi oleh Dayang Latifah bte Mohd. Salleh. Tempat kedua disandang oleh Awang Abdul Aziz bin Omar manakala Mohd. Idham bin Talib menduduki tempat ketiga, sementara bagi peringkat Daerah Belait Awang Mohd Azri Yamin bin Mohd Yakub dari Setia memenangi tempat pertama, Awang Wasli bin Damit juga dari Setia menduduki tempat kedua manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Mohd Azian bin Abdul Ghani.

Bagi Peringkat Daerah Tutong, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Hajjah Kamsiah bte Haji Othman

Tempat kedua, Dayang Juraidah bte Musa, manakala Dayang Masleha bte Haji Mohsin pula mendapat tempat ketiga.

Bagi Peringkat Negara (Peringkat Akhir) seramai enam orang peserta telah terpilih yang terdiri dari Dayang Lily Suzana bte Samsu, Daerah Brunei - Muara; Dayang Haryati bte Japri, Daerah Brunei - Muara; Awang Harpan bin Haji Yusof, Daerah Brunei - Muara; Mohamad Azri Yamin bin Mohammad Yakub, Setia, Dayang Hajjah Kamsiah bte Haji Othman, Daerah Tutong dan Dayang Latifah bte Mohd. Salleh, Daerah Temburong.

## Cawangan baru di Setia

**SERIA** — Satu majlis kesyukuran telah diadakan bagi pembukaan sebuah lagi cawangan baru Pejabat Penerangan pada hari Rabu lepas sebagai memperluaskan lagi perkhidmatan ke seluruh negara.

Cawangan pejabat baru seperti juga di cawangan-cawangan yang lain, antara lain akan mengendalikan tugas-tugas yang berhubung dengan penjualan buku bitan jabatan tersebut.

mengeluarkan kenyataan orang ramai selain mengedarkan akhbar mingguan 'Pelita Brunei'.

Hadir di majlis tersebut termasuklah Penolong Pegawai Daerah Belait, Penguasa Polis Daerah dan pegawai-pegawai kerajaan di Daerah Belait.

Sementara doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid Setia.

Cawangan Pejabat Penerangan itu terletak berhampiran dengan Balai Polis Setia.

## 3 pegawai hadiri persidangan UPU

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Tiga orang Pegawai Kanan dari Kementerian Perhubungan bertolak meninggalkan negara ini pada hari Isnin lalu untuk menghadiri persidangan dan kongres Kesatuan Pos Sedunia (Universal Postal Union - UPU).

Mereka ialah Ketua Pos

Agung, Awang Haji Mohd Suni bin Haji Idris, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Kementerian tersebut, Awang Saifon bin Awang Besar dan Ketua Penguasa Pos, Pg Haji Ibrahim bin Pg Haji Mohamad.

Mereka akan menghadiri Persidangan Kesatuan Pos Sedunia di Jersey, United

Kingdom yang akan berlangsung selama lima hari mulai 13 Jun.

Selepas itu ketiga-tiga orang pegawai tersebut akan menghadiri Kongres ke-19 Kesatuan Pos Sedunia yang akan berlangsung di Hamburg, Jerman Barat mulai 17 Jun.

## Jaga kebersihan sekitar perumahan

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Penduduk-penduduk perpindahan diingatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan sekitar perumahan dan mematuhi setiap syarat peraturan yang telah dipersetujui.

Syarat dan peraturan tersebut adalah dihasratkan untuk mengekalkan serta memastikan rekabentuk bersesuaian dengan kehendak pemohon agar mereka yang terlibat tidak akan lari daripada peraturan sebenarnya.

Sepintas lalu peraturan tersebut dibuat bukanlah bertujuan bagi menyusahkan para penduduk-penduduk tetapi ianya dibuat adalah bertujuan untuk memberikan kesejahteraan, kebahagiaan, serta kesejahteraan hidup.

Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mat Yassin berucap demikian sebelum menyerahkan kunci-kunci rumah perpindahan Kampung Mata-Mata di Pejabat Perpindahan, Isnin lepas kepada sembilan orang ketua keluarga dari Kampung Berbunut menyatakan bahawa penduduk-penduduk yang menyertai skim tersebut sangat beruntung kerana melalui skim itu mereka dapat menikmati berbagai kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

Di samping itu, jelasnya, kemudahan seperti masjid, padang permainan kini dalam proses pembinaan. Manakala klinik kesihatan dan kedai sedang dalam rancangan di mana pelaksanaannya nanti tertakluk kepada keadaan.

Terdahulu daripada itu, Pengerah Perpindahan telah menyatakan tentang syarat dan peraturan perpindahan yang antara lain menyentuh setiap keluarga dikehendaki menjelaskan balik secara beransur-ansur dalam masa tempoh 20 tahun.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, katanya, telah memberikan berbagai subsidi yang banyak ke atas kemajuan serta binaan rumah-rumah perpindahan dengan tujuan bagi meringankan beban kepada mereka yang melibatkan diri bagi skim itu dan selanjutnya

mengingatkan para penghuni sentiasa mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Sejak bulan Mach tahun lalu seramai 150 buah keluarga telah mengikuti skim perpindahan ini dan ditempatkan di Kampung Mata-Mata.

## Peraduan Pancaragam Sekolah

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Peraduan Pancaragam Sekolah akan dimasukkan sebagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei pada tahun ini.

Peraduan tersebut akan diselenggarakan dengan perarakan tanglong berjalak kaki, kereta dan basikal berhias dan pakaian beragam.

Menurut Pengerusi Peraduan tersebut, Pengiran Haji Abd. Momin bin Pg. Damit bahawa peraduan ini adalah terbuka kepada maktab-maktab dan sekolah-sekolah menengah.

Sementara itu Pg. Haji Abd. Momin juga memaklumkan sedikit perubahan mengenai dengan peraduan basikal berhias yang mana pada tahun ini basikal tersebut hanya dihias sahaja tanpa ditutup bentuk asalnya.

Tarikh tutup bagi menyertai perarakan tanglong berjalak kaki, kereta dan basikal berhias serta pancaragam sekolah ialah pada 28 Jun, 1964.